



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
25 Mac 2026



Majikan perlu fleksibel, benarkan bekerja dari rumah

ZAMAN sudah pun berubah. Pada zaman moden kini, pelbagai jenis kemudahan serta aplikasi moden sudah wujud bagi memudahkan urusan semua pihak. Dengan wujudnya komputer, telefon pintar serta internet, semua pihak boleh melakukan aktiviti harian dengan lebih mudah, cepat serta berkesan.

Namun segala kemudahan dan aplikasi moden yang telah disediakan ini tidak digunakan sepenuhnya oleh para majikan dan pekerja ditempat kerja selepas keadaan semasa sudah kembali reda dari ancaman penularan virus Covid-19.

Para majikan dan pekerja dilihat lebih selesa untuk mengadakan aktiviti kerja mereka seperti mesyuarat, bengkel, seminar dan lain-lain lagi dengan cara lama iaitu dengan bersemuka secara fizikal di tempat kerja ataupun pejabat.

Penggunaan cara lama ini membawa kepada banyak masalah sampingan seperti pembaziran masa,

tenaga serta wang, dan lain-lain lagi. Adalah penting perubahan dilakukan supaya kita dapat memanfaatkan segala kemudahan teknologi yang ada untuk melaksanakan kerja secara fleksibel ataupun bekerja dari rumah.

Pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) boleh mengeluarkan satu bentuk perintah ataupun arahan jelas bagi mengarahkan segala jenis aktiviti berkaitan dengan tempat kerja seperti mesyuarat,

proses temuduga, bengkel, seminar dan lain-lain dilakukan secara dalam talian.

Tanpa adanya perintah atau arahan jelas ini, sukar untuk kita merealisasikan usaha untuk menggalakkan pihak majikan untuk membenarkan pekerja mereka bekerja secara fleksibel atau bekerja dari rumah.

Majikan di sektor swasta pula perlu menghormati dan melaksanakan pindaan yang telah dilakukan terhadap Akta Kerja 1955 [Akta 265] baru-baru ini yang membenarkan pekerja mereka untuk bekerja secara fleksibel melalui perubahan waktu bekerja, perubahan hari bekerja dan perubahan tempat kerja.

Walaupun pindaan terhadap Akta Kerja 1955 [Akta 265] ini telah memaksa pihak majikan untuk terus membenarkan pekerja mereka untuk bekerja secara fleksibel, namun pihak majikan harus menggunakan pertimbangan mereka dengan wajar dalam memberi kebenaran berkenaan.



Adalah penting perubahan dilakukan supaya kita dapat memanfaatkan segala kemudahan teknologi yang ada untuk melaksanakan kerja secara fleksibel ataupun bekerja dari rumah."

DR. MUZAFFAR SYAH MALLOW
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pekerja gig akan diwajibkan mencarum keselamatan sosial

Akta Pekerja Gig 2025 berkuat kuasa Mac iktiraf tenaga kerja dalam pasaran buruh

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Akta Pekerja Gig 2025, yang berkuat kuasa pada Mac ini, akan menjadi perubahan besar dalam pendekatan Malaysia mengawal selia pekerjaan gig, melalui pengiktirafan mereka dalam pasaran buruh berbanding sekadar kerja sampingan.

Pekerja gig akan diwajibkan mencarum keselamatan sosial, yang mana sistem syarikat platform bakal dihubungkan secara automatik dengan sistem Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), bagi menggantikan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang sebelum ini bersifat sukarela.

Sebelum ini, perlindungan keselamatan sosial bagi golongan terbabit adalah sukarela dan bergantung kepada platform tertentu, menyebabkan kadar penyertaan rendah dan merisikokan ramai pekerja yang mempunyai

pendapatan tidak menentu.

Bekas Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, baru-baru ini mengesahkan hanya 28 peratus daripada 1.16 juta pekerja gig di Malaysia mencarum melalui Lindung Kendiri, skim yang memberi perlindungan utama terhadap kecederaan pekerjaan.

Dengan mewajibkan caruman itu, akta berkenaan akan menyokong usaha memperluas perlindungan sosial kepada tenaga kerja tidak formal Malaysia, yang kini mewakili lebih 25 peratus daripada keseluruhan tenaga buruh.

Menurut Ketua Penasihat Teknikal dan Ketua Perkhidmatan Aktuari Serantau Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang berpangkalan di Bangkok, Simon Brimblecombe, langkah kerajaan berada pada landasan tepat.

"Jika pekerja gig mempunyai skim (kecederaan) secara sukarela, mereka yang paling berisiko mengalami kemalangan atau kurang sihat akan lebih cenderung mendaftar, menjadikan skim itu kurang mampan.

"Oleh itu, penyertaan yang diwajibkan adalah langkah terbaik," katanya.

Beliau berkata, langkah itu juga akan memastikan penghantar e-hailing dan p-hailing, khususnya pengguna motosikal kebanyakannya golongan muda dan berkeluarga serta terdedah kepada risiko semasa bekerja



Penghantar e-hailing dan p-hailing terdedah kepada risiko ketika bekerja.

(Foto hiasan)

akan dilindungi.

Langkah keselamatan ini dijangka memberi impak besar kepada kumpulan pekerja itu.

Faedah keselamatan sosial

Dalam perkembangan itu, Brimblecombe berkata, meskipun cabaran berkaitan insurans pengangguran boleh ditangani menggunakan data masa nyata, cabaran lebih besar adalah faedah persaraan.

Katanya, masalah utama dihadapi rakyat Malaysia ialah ramai yang mencapai usia 55 atau 60 tahun dengan simpanan tidak mencukupi dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Faedah keselamatan sosial ini

sentiasa paling sukar untuk dibiayai dan memastikan manfaat mencukupi, kerana anda perlu mencarum kira-kira 15 peratus daripada gaji untuk tempoh panjang bagi menjamin pencen mencukupi," katanya.

Brimblecombe, yang sebelum ini menguruskan kajian aktuari ILO-PERKESO mengenai peluasan perlindungan dan penambahan faedah untuk pekerja asing, berkata agensi itu menunjukkan ia boleh diperluaskan secara berperingkat berdasarkan dapatan aktuari.

Katanya, penilaian kos ILO terhadap peluasan perlindungan pekerja asing mendapati ia mampan, namun pelan jangka panjang diperlukan bagi memasti-

kan pekerja gig mendapat perlindungan faedah risiko.

Sementara itu, Pengarah Program Ekonomi, Perdagangan dan Integrasi Serantau Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Calvin Cheng, berkata syarikat platform perlu memikul tanggungjawab lebih besar melalui caruman bersama.

"Platform tidak seharusnya hanya mendaftarkan pekerja bawah skim kecederaan, tetapi berkongsi kos pembiayaan perlindungan sosial. Mereka meraih keuntungan besar daripada tenaga kerja ini dan sekurang-kurangnya harus menanggung sebahagian risiko yang dihadapi pekerja," katanya.

CORE ECONOMIC PILLAR

Better protection for gig workers under new law

PETALING JAYA: The newly gazetted Gig Workers Act 2025 marks a major shift in Malaysia's labour market regulation, elevating gig work from a "side hustle" to a recognised core pillar of the economy.

Under the act, which comes into force this month, social security contributions for injury and occupational diseases will become mandatory for all gig workers. Platforms must now link their systems with the Social Security Organisation (Perkeso) to enable automatic deductions.

This replaces the previously voluntary Self-Employment Social Security Scheme (SKSPS), now known as Lindung Kendiri.

PROTECTION UNDER NEW ACT

Previously, social security coverage was voluntary and often platform-specific. This led to low participation rates, leaving many workers vulnerable to income shock due to administrative barriers and irregular earnings.

In March last year, then-human resources minister Steven Sim noted that only 26 per cent of the

country's 1.16 million gig workers were contributing to Lindung Kendiri, which primarily offered employment injury protection.

By making this contribution compulsory, the act aims to extend a safety net to an informal workforce that now accounts for over 25 per cent of Malaysia's total labour force.

WHY IT MATTERS

Simon Brimblecombe, chief technical adviser and head of regional actuarial services at the International Labour Organisation in Bangkok, Thailand, described the move as a step in the right direction.

He said shifting to a mandatory model was vital, as voluntary schemes often suffered from "adverse selection", where only those at the highest risk of accidents or poor health would sign up, making the schemes unsustainable.

He added that the move ensured that e-hailing and p-hailing workers, particularly those riding motorcycles who were often young with families, received



Under the Gig Workers Act, social security contributions covering injury and occupational diseases will be mandatory. NSTP FILE PIC FOR ILLUSTRATIVE PURPOSES ONLY

the coverage they needed.

ADDRESSING THE GAPS

Despite the progress, experts argue that gaps remain. Current mandatory contributions do not cover unemployment insurance, retirement benefits, invalidity or family and maternity benefits.

Brimblecombe suggested that while real-time data on worker earnings could help in the implementation of an unemployment insurance, retirement savings was the bigger challenge.

He noted that many Malaysians were reaching 55 or 60 with insufficient Employees Provident Fund savings.

"It is the hardest benefit to fi-

nance. You need to contribute about 15 per cent of your salary over a long period to secure a decent pension," he said.

He noted that future actuarial valuations with Perkeso would assess the impact of these mandatory contributions and the expansion of other benefits.

PLATFORM RESPONSIBILITY

Institute of Strategic and International Studies (Istis) economics, trade and regional integration director Calvin Cheng said gig platforms must bear more of the financial burden.

"Platforms profit enormously from workers' labour and should share the cost of financing their

social protection. They should bear some responsibility for the risks these workers face," he said.

Brimblecombe pointed to models in South Korea and Portugal as potential templates.

In South Korea, both the gig platform and worker co-contribute. In Portugal, the contribution rate depends on how much a worker relies on a single entity; if a worker earns more than 80 per cent of his income from one platform, that business would pay a higher rate.

He suggested for Malaysia to adopt a similar approach to distinguish between occasional platform users and full-time gig workers.